

PEJABAT BURSAR
BURSAR'S OFFICE

Rujukan Kami : UPM/BEN/S4-2/Bhg. 7(06)

Tarikh : 11 Februari 2014

PEKELILING BURSAR BIL. 1 TAHUN 2014

Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam

Tujuan

Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menerima peruntukan kerajaan untuk melaksanakan langkah penjimatan yang diumumkan oleh Kerajaan.

Latar Belakang

2. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam bermula 1 Januari 2014 dalam usaha untuk mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun 2014 . Keputusan ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Disember 2013. Panduan pelaksanaan perbelanjaan secara berhemat bagi mengurangkan perbelanjaan awam adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014 bertajuk Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam.

Langkah-Langkah Penjimatan

3. Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh Universiti berdasarkan pekililing tersebut adalah seperti berikut:

- 3.1 Pengurangan Imbuhan Tetap Keraian,
 - 3.2 Pengurangan Kemudahan Bayaran Tol
 - 3.3 Kelayakan Tiket Penerbangan
 - 3.4 Ke kerap an perjalanan atas tugas rasmi keluar Negara – Rujuk Jadual 2
- Rujuk Jadual 1**

Jadual 1: Pengurangan Imbuhan Tetap Keraian, Pengurangan Kemudahan Bayaran Tol dan Kelayakan Tiket Penerbangan

Bil	Gred Jawatan	Pengurangan Imbuhan Tetap Keraian	Kemudahan Bayaran Tol		Kelayakan Tiket Penerbangan	
			Pengurangan	Kadar baru	Domestik (Kelas)	Antarabangsa (Kelas)
1.	Turus III dan ke atas	10%	RM100	RM400	Perniagaan	Satu
2.	JUSA/ Gred Khas A	8%	RM50	RM450	Perniagaan	Satu
3.	JUSA/ Gred Khas B	6%	RM50	RM450	Perniagaan	Perniagaan
4.	JUSA / Gred Khas C	5 %	RM50	RM450	Ekonomi	Perniagaan
5.	Gred 54 ke bawah	-	-	-	Ekonomi	Ekonomi

Jadual 2: Kekerapan Perjalanan Atas Tugas Rasmi Keluar Negara Dihadkan

Bil.	Jawatan	Kekerapan
1.	Naib Canselor	4 kali
2.	Timbalan Naib Canselor	2 kali
3.	Dekan/ Pengarah/ Ketua PTJ	2 kali

Kos Utiliti Elektrik

4. Usaha pengurangan penggunaan utiliti seperti elektrik, air dan alat perhubungan hendaklah dilaksanakan melalui penyediaan dan penguatkuasaan peraturan dalaman Universiti/PTJ. Amalan penjimatan hendaklah sentiasa dilaksanakan bagi mengurangkan perbelanjaan utiliti. Sebagai langkah permulaan, Universiti dikehendaki membuat penjimatan sebanyak 5 peratus kos utiliti elektrik pada tahun 2014. Bagi tujuan ini, perbendaharaan akan menyekat 5 peratus daripada peruntukan utiliti dibawah perbelanjaan mengurus 2014.

Pengubahsuaian Ruang Pejabat

5. Semua permohonan baharu bagi pengubahsuaian ruang pejabat Universiti/PTJ adalah dibekukan.

Sewaan Ruang Pejabat

6. Universiti/PTJ hendaklah mengoptimumkan penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis bagi kegunaan sebagai pejabat. Semua cadangan untuk menyewa pejabat baharu/tambahan sewaan ruang pejabat tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan.

Pelantikan Perunding

7. Perolehan perkhidmatan perunding (*consultant*) untuk projek-projek fizikal UPM termasuk menjalankan kajian kemungkinan/kesesuaian (*feasibility study*) dan juga perunding-perunding pengurusan yang lain (*management consultant*) hendaklah terlebih dahulu diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU). Proses lantikan perundingan dilaksanakan mengikut prosedur sedia ada.

Penggunaan Syarikat Pengurusan Acara (Event Management)

8. Semua PTJ hendaklah mengurangkan penggunaan syarikat pengurusan acara (*event management*) serta pemberian saguhati dan cenderamata semasa penganjuran persidangan /seminar /pameran /mesyuarat /kursus /bengkel/ majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

Makanan dan Minuman

9. Semua PTJ hendaklah mengurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan / seminar / pameran / mesyuarat / kursus / bengkel / *retreat* / majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

Kain Pemedang (bunting dan banner)

10. Semua PTJ hendaklah mengurangkan penggunaan kain pemedang (bunting dan banner) bagi penganjuran persidangan /seminar /pameran /mesyuarat /kursus/majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

Strategi Lautan Biru Kebangsaan

11. Semua PTJ hendaklah mengaplikasikan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dengan mengoptimumkan penggunaan Pusat Latihan 1 Malaysia (1MTC) dan juga kemudahan di institusi latihan milik kerajaan bagi penganjuran persidangan/seminar/pameran/kursus/bengkel dan sebagainya.

Peraturan-Peraturan Am

12. Langkah-langkah penjimatan ini hendaklah dipatuhi oleh semua PTJ yang menerima peruntukan Kerajaan persekutuan.

13. Langkah-langkah penjimatan ini perlu dibacakan bersekali dengan garis panduan perbelanjaan berhemat lain yang sedang berkuatkuasa.

Tarikh Kuatkuasa

14. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 2 Januari 2014.


15. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Zon Kewangan G, Pejabat Bursar di talian 8946 6241.

16. Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin Paduka/tuan/puan adalah diminta untuk mematuhi Pekeliling ini selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014: Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam

Sekian, terima kasih.

“BERILMU BERBAKTI”

Yang menjalankan tugas,



(Zulkiflee bin Othman)
Bursar

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU

